



SANGKAR burung  
pungguk dipasang  
di atas pokok.

Harian metro  
31/12/2015  
m/s 34

## RM1,200 kos bina sangkak

**Subang Jaya:** Keberkesanan menggunakan burung pungguk sebagai ejen biologi untuk mengawal populasi tikus terbukti dalam industri kelapa sawit dan sawah sejak 1970.

Ketua Penyelidik Projek Burung Pungguk Bangsal Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Dr Abu Hassan Ahmad berkata, pungguk jela-pang adalah spesies yang paling meluas digunakan untuk menangani masalah haiwan perosak berkenaan.

"Ini kerana terdapat tempat tinggal yang sesuai di seluruh Semenanjung Malaysia sebagai habitat semula jadinya termasuklah dalam ekosistem yang sudah diubah suai sebagai contoh tanah ladang iaitu sawah padi dan ladang kelapa sawit dan kawasan luar bandar.

"Tidak seperti racun ti-

# LUPAKAN RACUN TIKUS

■ MPSJ guna burung pungguk bunuh makhluk perosak di kawasan pentadbiran

- Burung Pungguk Jelapang (Tyto alba javanica) atau dipanggil sebagai 'Barn Owl' adalah sejenis burung pemangsa daripada keluarga Tytonidae.
- Mempunyai sayap lebar antara 85 hingga 90 sentimeter dengan berat 450 hingga 500 gram bagi jantan dan 500 hingga 600g bagi betina.
- Kekeraan musim membiak sebanyak dua atau tiga kali setahun.
- Kebiasaannya boleh menghasilkan lima atau enam telur pada satu musim, tetapi bergantung kepada kemudahan mendapatkan makanan.
- Mampu makan tikus dengan berat sehingga 350g, tetapi hanya memakan satu atau dua ekor tikus setiap malam.
- Pada musim membiak, ia mampu makan sehingga tiga atau empat ekor tikus satu malam.
- Mengambil masa dua bulan untuk mula terbang dan mencapai umur matang untuk memburu pada usia 12 bulan.
- Burung yang sangat setia pada pasangannya. Jika seekor daripadanya mati, pasangannya juga akan mati.

Oleh Rizanizam Abdul Hamid  
mrizanizam@hmetro.com.my  
**Subang Jaya**

**M**ajlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menggunakan burung pungguk atau burung hantu sebagai satu inisiatif untuk membunuh tikus dalam kawasan pentadbirannya selepas usaha menggunakan kaedah moden seperti racun atau perangkap sebelum ini agak kurang berkesan.

Inisiatif yang dijalankan dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) ini adalah yang pertama dilaksanakan di Asia.

Projek perintis itu baru-baru ini menyaksikan sepasang burung pungguk jantan dan betina berusia tujuh bulan ditempatkan di sebuah sangkar yang dibina di atas pokok di kawasan SS15 sebelum diperluaskan lagi ke seluruh kawasan Subang Jaya dan Sunway dalam tempoh enam bulan akan datang.

Yang Dipertua MPSJ Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, usaha terbabit selaras dengan komitmen pihak berkuasa tempatan (PBT) itu untuk memulakan inisiatif hijau dalam menangani isu perbandaran.

"Apabila pihak USM menghubungi kami dengan idea memperkenalkan semula burung pungguk se-

bagai pendekatan biologi untuk membantu MPSJ mengawal populasi tikus, pihak PBT segera bersetuju mengambalnya.

"Tambah pula sejak beberapa tahun sebelum ini, usaha kita meletakkan racun tikus di kawasan komersial kurang berkesan apabila haiwan perosak itu juga telah membangunkan satu tahap toleransi dengan racun tikus yang digunakan," katanya selepas Majlis Pelancaran Projek Kawalan Tikus Menggunakan Burung Pungguk MPSJ 2015, di sini.

Hadir sama, pensyarah

Sains Biologi USM merangkap Ketua Penyelidik Projek Burung Pungguk Bangsal Prof Dr Abu Hassan Ahmad dan Pensyarah Kanan Agronomi dan Pengurusan Haiwan Perosak Dr Hasber Salim.

Mengulas lanjut, Nor Hisham berkata, keseluruhannya sebanyak 12 pasang atau 24 ekor burung pungguk akan ditempatkan di kawasan pentadbiran MPSJ pada masa hadapan.

"Buat

permulaan ini, USM mahu melihat keberkesanan pasangan pertama ini memburu setelah dilatih selama enam bulan di ladang kelapa sawit Felda Jengka 24, Pahang supaya memburu dan memakan tikus bandar berbanding tikus pertanian sebelum ini," katanya.

Beliau turut mengingatkan orang ramai bahawa Burung Pungguk Bangsal adalah spesies yang dilindungi sepeleuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

kus, pendekatan biologi bagaimanapun mengam- bil sedikit masa untuk mengurangkan populasi tikus, tetapi hasil jangka panjangnya adalah lebih baik dan bertahan lama," katanya.

Menurut beliau, kajian dan pembangunan (R&D) mengenai keberkesanan penggunaan burung hantu untuk mengawal populasi tikus di bandar telah dimulakan sejak 10 tahun lalu dengan kerjasama FELDA menggunakan geran daripada USM sebanyak RM200,000.

"Untuk projek di Subang Jaya selama dua tahun sahaja, sekurang-kurangnya RM150,000 sudah dibelanjakan bermula untuk proses penetasan, penjagaan, latihan dan memburu tikus bandar berbanding tikus kampung.

"Penempatan burung pungguk di kawasan ini juga turut disertakan dengan tempat tinggal atau sangkar yang dilengkapi sistem pengudaraan bernilai kira-kira RM1,200 se- buah," katanya.

**NOR Hisham**  
mengusap kepala burung pungguk yang digunakan untuk kawalan biologi di kawasan pentadbiran MPSJ.



**"Buat permulaan USM mahu melihat keberkesanan pasangan pertama ini memburu setelah dilatih selama enam bulan"**  
Nor Hisham